

## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 29 November 2018

### **Khazanah bakal lupus 16% pegangan dalam IHH kepada Mitsui bernilai RM8.42 bilion**

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah menandatangani perjanjian dengan Mitsui & Co., Ltd. (“Mitsui”), sebuah syarikat daripada Jepun, untuk melupuskan 1,403,087,400 saham dalam IHH Healthcare Berhad (“IHH”) pada harga RM6.00 setiap saham, dengan jumlah tunai keseluruhan bernilai kira-kira RM8.42 bilion.

Pelupusan tersebut mewakili kira-kira 16% daripada keseluruhan saham IHH dan seterusnya pegangan Khazanah dalam IHH akan berkurangan kepada 26.05%. Ini adalah berdasarkan kepada modal saham IHH yang telah diperbesarkan setelah selesai pengambilalihan 30% kepentingan ekuiti tambahan dalam Acibadem Saglik Yatirimlari Holding A oleh IHH (“pengambilalihan Acibadem”). IHH telah mengumumkan pengambilalihan Acibadem pada 8 Oktober 2018.

Urusniaga ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada pihak pengawal selia yang berkaitan serta muktamadnya pengambilalihan Acibadem.

Urusniaga ini merupakan adalah penting kerana ia merupakan sebahagian daripada usaha penstrukturan semula portfolio Khazanah. Hasil daripada pelupusan ini akan digunakan untuk pelaburan baharu serta keperluan permodalan Khazanah. Khazanah akan terus menjadi pemegang saham penting dalam IHH dan mempunyai wakil dalam lembaga pengarah syarikat berkenaan. Kehadiran Khazanah juga dijangka akan memberikan kestabilan kepada pemegang saham IHH dalam masa depan terdekat ini.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata: “Urusniaga ini jelas menunjukkan keyakinan Mitsui dalam pertumbuhan IHH. Khazanah tetap komited untuk menyokong kumpulan penyedia khidmat kesihatan ini dan mengharapkan kejayaan masa depan IHH. Pelupusan ini adalah sebahagian daripada strategi Khazanah untuk mengembangkan perniagaan yang mana kami terlibat serta menentukan masa dan nilai yang sesuai untuk mencipta kecairan bagi keperluan modal dan pelaburan masa depan kami.”

Khazanah menjangka urus niaga tersebut dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2019.

#### **TAMAT**

*Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my) atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di [raslan.sbarif@khazanah.com.my](mailto:raslan.sbarif@khazanah.com.my).*

#### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik.



KHAZANAH  
NASIONAL

Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).